



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
NO 26, JALAN TUN HUSSEIN,
PRESINT 4, 62100 PUTRAJAYA,
MALAYSIA

UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN AKHBAR
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**Cadangan Penubuhan Lembaga Keselamatan Pengangkutan
Malaysia (*Malaysian Transport Safety Board – MTSB*)**

Cadangan penubuhan Lembaga Keselamatan Pengangkutan Malaysia (*Malaysian Transport Safety Board – MTSB*) adalah dibuat berdasarkan kepada syor yang terdapat di dalam “Laporan Panel Penasihat Bebas Berhubung Hasil Siasatan Kes Kemalangan Bas Henti-Henti Di KM 3.6 Jalan Genting Highlands – Kuala Lumpur” yang dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada tahun 2014. Kementerian Pengangkutan melalui Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) juga telah melaksanakan sesi libat urus bersama pelbagai stakeholder berhubung dengan penubuhan lembaga ini pada tahun lalu.

Pada masa ini Kementerian Pengangkutan sedang dalam proses memuktamadkan penubuhan sebuah badan berkanun yang dikenali sebagai Lembaga Keselamatan Pengangkutan Malaysia (*Malaysian Transport Safety Board – MTSB*). Badan ini akan bertindak sebagai badan penyiasatan bebas kemalangan bagi multi mod pengangkutan

iaitu darat (jalan raya dan rel), maritim (termasuk pengangkutan sungai) dan udara.

Suatu Rang Undang-Undang berkaitan perkara ini sedang digubal bagi merealisasikan penubuhan MTSB. Beberapa Akta lain serta peraturan-peraturan sedia ada yang berkaitan juga akan dipinda sewajarnya selaras dengan penubuhan MTSB ini kelak.

Kementerian Pengangkutan akan memaklumkan perkembangan berhubung kemajuan penubuhan MTSB dari semasa ke semasa.

[TAMAT]

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
Kementerian Pengangkutan
30 Disember 2016